

# UPM juara Festival Nasyid

**K**ANGAR: Kumpulan Nahwan Nur yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai Festival Nasyid Kemerdekaan Institut Pengajian Tinggi (IPT) peringkat kebangsaan yang berlangsung di sini, semalam.

Kumpulan itu yang mencatat kemenangan kali ketiga berturut-turut memukau hati juri dengan dendangan lagu Wacana Merdeka dan Cemerlang Akhlak Sahsiah Terpuji, sekali gus menewaskan lima IPT lain iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Dengan kemenangan itu, JPM membawa pulang piala jusungan, piala iringan, wang tunai RM2,500,

hamper dan sijil penyertaan.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Perlis, Jafperi Othman, yang mewakili Menteri Besar Perlis menyampaikan hadiah kepada pemenang.

UPM turut muncul sebagai pemenang persembahan terbaik yang menawarkan wang tunai RM500, piala iringan dan hamper pada festival yang berlangsung di Dewan Kapitol UniMAP, di sini, semalam.

Sementara itu, kumpulan In-Shoff yang mewakili tuan rumah, UniMAP, yang mempersembahkan lagu Berkat Perpaduan dan Ceritera Merdeka menduduki tempat kedua dengan menerima hadiah piala iringan, wang tunai RM2,000, hamper berserta sijil penyertaan.

Bagaimanapun, In-Shoff muncul sebagai penerima hadiah kostum terbaik yang dinilai berdasarkan

semangat patriotisme pada nilai pakaian itu yang membawa pulang wang tunai RM500 berserta hamper.

Tempat ketiga dengan hadiah piala iringan, wang tunai RM1,500 serta sijil penyertaan disandang oleh kumpulan Damai yang mewakili UNIMAS dengan lagu Perpaduan Asas Kejayaan Ummah dan Ku Cari Erti Merdeka.

Festival itu diadakan sempena sambutan bulan kemerdekaan bagi menyemarakkan semangat cintakan negara melalui nasyid.

Sementara itu, Malam Semarak Merdeka yang berlangsung di perkarangan Jabatan Pelajaran Perlis malam tadi disambut meriah oleh kira-kira 1,500 penghuni asrama sekolah di negeri itu.

Pelbagai acara diadakan sempena program itu

termasuk koir merdeka, nasyid merdeka, dikir barat, nyanyian lagu patriotik dan berakhir dengan pertunjukan bunga api.

Malam Semarak Merdeka diadakan sempena bulan kemerdekaan bagi menyemarakkan semangat merdeka dikalangan pelajar yang kian pudar. — Bernama

## Ralat

**B**ERLAKU kesilapan pada keterangan gambar dalam berita di halaman C15 akhbar ini 24 Ogos lalu. Jawatan sebenar Datuk Maznah Mazlan ialah Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan bukan seperti yang tertulis. — Pengarang